



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

KONVENSYEN SENI SILAT MELAYU ANTARABANGSA: MANIFESTASI FALSAFAH HIDUP DAN PANDANG ALAM MELAYU

KUALA LUMPUR, 9 November – YBhg Datuk Kamarul Baharin Bin A.Kasim, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia telah menyempurnakan Majlis Perasmian Konvensyen Silat Melayu Antarabangsa 2025 (KOSSMA25), sebuah konvensyen berprestij anjuran Persatuan Dunia Seni Silat Melayu Malaysia (DSSM) dan Pertubuhan Pemedang Seni Sukma Kencana Malaysia dengan kerjasama Jabatan Muzium Malaysia, Kursi Institusi Raja-Raja Melayu, UiTM dan Yayasan Al-Amin sebagai rakan strategik.

Konvensyen ini berlangsung pada 9 November 2025 di Auditorium Jabatan Muzium Malaysia dengan tema “Matra Silat: Seni, Sains dan Spiritual”. KOSSMA25 menghimpunkan para sarjana, pengamal silat, pewaris muda dan pencinta budaya dari dalam serta luar negara bagi memperkukuh kefahaman terhadap Silat Melayu sebagai warisan ilmu, falsafah dan identiti bangsa. Ia merupakan satu penghormatan dan kesinambungan kepada Konvensyen Silat Melayu 1973 yang pernah dianjurkan oleh Persatuan Bahasa Melayu Universiti Sains Malaysia (USM). Selepas lebih lima dekad, konvensyen ini kembali dengan skala yang lebih besar dan signifikan.

KOSSMA25 terdiri dari tiga komponen utama iaitu Seminar Seni Silat Melayu Antarabangsa, Pameran Persenjataan Melayu, Rentap Silap yang mempersembahkan Demonstrasi Silat Tradisi dari lebih 20 perguruan. Turut diadakan Gerai Jualan Warisan dan Majlis Anugerah Tokoh Persilatan.

Seminar Seni Silat Melayu Antarabangsa menghimpunkan tujuh pembentang dari Malaysia, Indonesia, Brunei, Taiwan dan Singapura dan satu ucapnama yang membicarakan sejarah, falsafah, pedagogi serta pendekatan kosmologikal dalam persilatan. Kertas kerja seminar ini akan diterbitkan dalam Prosiding Konvensyen Silat Melayu Antarabangsa 2025 yang boleh diakses dalam bentuk fizikal dan digital.

Konvensyen kali ini menampilkan pendekatan yang menekankan kefahaman terhadap cerminan hubungan harmoni antara manusia dengan alam, ketuhanan dan masyarakat. Pendekatan ini memperlihatkan keindahan Silat Melayu bukan sahaja sebagai seni bela diri tetapi juga sebagai manifestasi falsafah hidup dan pandangan alam bangsa Melayu.

KOSSMA25 menjadi wadah penyatuan antara sarjana, pengamal dan masyarakat dalam memperkukuh pemahaman terhadap Silat Melayu sebagai warisan hidup bangsa. Ia bukan sekadar acara, tetapi satu gerakan memperkasa jati diri, adab dan nilai budaya Melayu yang mendalam.

Jabatan Muzium Malaysia
Kementerian Perpaduan Negara

9 November 2025

JMM.100-9/1/7 (20)